

# Rawatan tingkat peluang jalani hidup normal



**Izdihar Janna mengikuti aktiviti** terapi berkuda sejak 2012, kini menunjukkan perkembangan positif dan postur tubuh lebih baik.

**Kuala Lumpur:** Mempunyai zuriat yang menghidap palsy serebrum dianggap satu anugerah hebat, apatah lagi perkara itu diketahui ketika peringkat kehamilan.

Bagi, Rafidah Ahmad yang juga Presiden Gabungan Anak Palsy Serebrum (GAPS), berkata anak bongsunya, Izdihar Janna Adzly, 14, sebenarnya mempunyai kembar, namun meninggal dunia dalam kandungan.

Katanya, janin yang meninggal itu terpaksa dibiarkan dalam rahim hingga beliau bersalin secara semula jadi pada usia kandungan tujuh bulan setengah, barulah proses mengeluarkannya dibuat.

“Ketika itu Izdihar Janna tidak mempunyai sifat kelainan yang nyata berbanding kanak-kanak lain tetapi pemeriksaan demi pemeriksaan yang dibuat hingga usianya tiga tahun, doktor mengesahkannya menghidap palsy serebrum,” katanya.

Memiliki anak kurang upaya menjadikan Rafidah dan suami serta anak sulungnya, Ahmad Idzhar, 18, sanggup melakukan apa

saja bagi membolehkan Janna mempunyai peluang hidup seperti remaja lain.

Rafidah berkata, beliau rela mengorbankan masa setiap minggu membawanya menjalani sesi terapi berkuda sejak 2012 yang menyaksikan banyak perubahan positif hingga anaknya kini mampu menegakkan badan ketika menunggang kuda, berbanding awal-awal dulu sepenuhnya dibantu.

“Alhamdulillah perkembangan itu cukup membahagiakan dan terus memangkin semangat kerana dengan ikhtiar yang tidak pernah utus, ada kemanisan di penghujungnya.

Menariknya, anaknya itu turut memasuki pertandingan yang antaranya adalah *Special Spartans*, iaitu acara larian berhalangan untuk kanak-kanak berkeperluan khas dengan dibantu abangnya.

“Acara itu berlangsung beberapa bulan lalu di Semenyih, menyaksikan keduanya saling bekerjasama sebagai satu pasukan dan keakraban itu sangat istimewa, tanda kasih seorang abang kepada adiknya,” katanya.